

SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/04/15_08 (HQ)

TNB PERKUKUH JEJAK GLOBAL DENGAN KONTRAK SENGGAARAN, PEMBAIKAN DAN BAIK PULIH (MRO) DI KUWAIT

- Kerjasama strategik: TNB REMACO dan Al Dhow Engineering menandatangani perjanjian jangka panjang dengan Kementerian Elektrik, Air dan Tenaga Boleh Baharu (MEWRE) Kuwait.
- Kontrak baharu: Usaha sama bernilai RM705 juta ini memberi tumpuan kepada MRO untuk Loji Janakuasa Sabiya.
- Kedudukan kukuh: TNB REMACO menguruskan 11 projek aktif di Kuwait dengan nilai melebihi RM4.54 bilion.
- Kepakaran global: TNB Genco terus memperkukuh keupayaan penjanaan kuasa di peringkat antarabangsa.

Tenaga Nasional Berhad (TNB), melalui anak syarikat milik penuhnya, TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (TNB REMACO), memperkukuh kedudukannya di peringkat antarabangsa dengan menandatangani kontrak tujuh tahun bersama Kementerian Elektrik, Air dan Tenaga Boleh Baharu (MEWRE) Kuwait.

Dalam kontrak baharu yang bernilai kira-kira RM705 juta ini, TNB REMACO bersama rakan kongsi dari Kuwait, AL DHOW Engineering memberi tumpuan kepada kerja-kerja Senggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih Menyeluruh (MRO) bagi Loji Janakuasa dan Penyulingan Air Sabiya. Terletak 65kilometer dari Kuwait, loji dengan empat unit janakuasa minyak dan gas berkapasiti keseluruhan 299.4 megawatt (MW) ini, memainkan peranan penting dalam infrastruktur tenaga negara tersebut.

Memperkukuh Kehadiran Global

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan, menyatakan bahawa perjanjian ini mencerminkan keyakinan MEWRE terhadap usaha sama TNB REMACO-AL DHOW untuk menyediakan solusi tenaga yang berkualiti tinggi dan mampan, bagi menyokong permintaan tenaga yang semakin meningkat di Kuwait.

"Kontrak ini sejajar dengan misi TNB untuk menjadi penyedia solusi tenaga mampan yang terkemuka, bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa. Selain Kuwait, kami turut mengembangkan sayap ke United Kingdom, Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Pakistan dan Kemboja."

Beliau turut menekankan komitmen TNB dalam menyokong sektor tenaga di Kuwait sambil mengembangkan portfolio antarabangsanya. "Kerjasama ini bukan sahaja mengukuhkan kepakaran teknikal kami, tetapi juga mempereratkan hubungan ekonomi antara Malaysia dan Kuwait."

Rekod Cemerlang TNB REMACO

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) dan Pengerusi TNB REMACO, Dato' Ir. Muhamad Nazri Pazil, menekankan kehadiran kukuh TNB REMACO di Kuwait.

"Sejak memasuki pasaran penjanaan kuasa Kuwait pada tahun 2013, TNB REMACO telah berkembang pesat. Kami kini menguruskan 11 projek aktif dengan jumlah nilai kontrak melebihi RM4.54 bilion. Sejak 2013 juga, seramai 16 bakat dan pakar TNB telah dipinjamkan ke Kuwait bagi memantau projek-projek ini, dan kini enam (6) orang kakitangan sedang mengetuai serta menguruskan kesemua 11 kontrak yang sedang berjalan."

Dato' Ir. Muhamad Nazri turut menegaskan bahawa TNB REMACO bersedia untuk terus berkembang, di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. "Sebagai sebahagian daripada TNB Genco, TNB REMACO terus menunjukkan kepakaran teknikal dan keupayaannya dalam industri penjanaan tenaga. Kami komited untuk meluaskan perniagaan kami di Malaysia dan di luar negara."

Majlis menandatangani perjanjian yang berlangsung di Ibu Pejabat Bank Negara Kuwait pada 12 Mac 2025 telah disempurnakan oleh Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan dan Pengerusi AL DHOW Engineering, Isam Al-Sager. Turut hadir ialah Dato' Ir. Muhamad Nazri Pazil dan Pengarah Urusan TNB REMACO, Ts. Abidin Sarjo.

Dengan pencapaian terkini ini, TNB REMACO mengukuhkan kedudukannya sebagai penggiat utama industri penjanaan kuasa global. Sebagai sebahagian daripada TNB Genco, syarikat ini terus memberikan tumpuan kepada kecemerlangan operasi dan perkembangan antarabangsa.

TNB REMACO, anak syarikat milik penuh TNB Genco, mengkhusus dalam perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan (O&M), baik pulih menyeluruh, serta pembaikan dan penyelenggaraan (R&M) bagi sektor tenaga. Pakar dalam turbin gas, stim dan hidro, dandang, serta penjana, syarikat ini menyediakan penyelesaian teknikal merentasi pelbagai loji janakuasa dan pengeluaran peralatan sokongan di seluruh dunia.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 April 2025 jam 10.15 pagi

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris di 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami di media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (www.tnb.com.my) merupakan syarikat utiliti utama di Malaysia dan Asia serta beroperasi di peringkat antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan, dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh diperbaharui, TNB mempunyai jumlah portfolio kasar sebanyak 3,189MW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 1,183MW di UK, Ireland, Australia, dan Turkiye yang merangkumi penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi peneraju utama penjanaan elektrik negara, TNB juga menghantar dan mengagihkan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2024, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Mengenai TNB Genco

TNB Power Generation Sdn Bhd, atau TNB Genco (www.tnbgenco.com.my), telah diperbadankan sebagai anak syarikat milik penuh TNB pada 1 Ogos 2019. Ia mula beroperasi pada 1 Oktober 2020 untuk menerajui peranan penjanaan kuasa TNB dalam menyediakan bekalan elektrik yang terjamin, stabil, boleh dipercayai dan mampan. TNB Genco menyumbang kepada keperluan tenaga jangka panjang negara dengan keupayaan menyeluruh daripada pembangunan loji, operasi dan penyelenggaraan hingga ke pengurusan akhir hayat loji.

Mengenai TNB REMACO

TNB REMACO (TNB Repair and Maintenance Sdn. Bhd.) ditubuhkan pada tahun 1995 dan merupakan anak syarikat milik penuh TNB Genco. Ia mengkhusus dalam operasi dan penyelenggaraan (O&M), baik pulih dan penyelenggaraan (R&M) untuk sektor tenaga, dengan memberi tumpuan kepada loji janakuasa termasuk turbin gas, stim dan hidro, dandang, penjana dan lain-lain. Kepakaran teknikal syarikat ini merangkumi produk daripada pengeluaran loji kuasa dan peralatan sampingan terkemuka dunia. TNB REMACO menyediakan penyelesaian menyeluruh untuk pemasangan dan peralatan berskala kecil hingga besar, di Malaysia dan luar negara. Syarikat ini juga telah mengembangkan sayapnya ke peringkat antarabangsa, termasuk di Arab Saudi, Pakistan dan Kuwait.



Majlis menandatangani perjanjian penyelenggaraan jangka panjang yang diadakan di Ibu Pejabat National Bank of Kuwait pada 12 Mac 2025 telah disempurnakan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (ketiga dari kanan) dan Pengerusi Al Dhow Engineering, Isam Al-Sager (ketiga dari kiri). Turut hadir menyaksikan pertukaran dokumen tersebut ialah Pengarah Urusan TNB Genco merangkap Pengerusi TNB REMACO, Dato' Ir. Muhamad Nazri Pazil (kedua dari kanan), Pengarah Urusan TNB REMACO, Ts. Abidin Sarjo (paling kanan), Pengarah Urusan Al Dhow Engineering, Said Machtoub (kedua dari kiri), dan Pengurus Operasi, Hosni Kassem (paling kiri).